

Aktiviti luar mampu tonjol bakat mahasiswa

JUMIET NYIREK

KOTA SAMARAHAN, Jumaat — Penglibatan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti luar kuliah adalah penting bagi menonjolkan bakat dan kebolehan mereka sebagai seorang yang berkemampuan bagi melaksanakan tanggungjawab diberi.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Mohd Fadzil Abd Rahman berkata pembelajaran dalam bilik kuliah adalah satu teori bagi mendedahkan pelajar kaedah kaedah tertentu.

“Manakala penglibatan dalam aktiviti luar yang dianjurkan pihak universiti dan fakulti pula akan membolehkan pelajar mempraktikkan perkara yang telah dipelajari dalam kelas,” katanya.

Oleh sebab itu, katanya lagi pelajar perlu menseimbangkan kedua dua kaedah itu (teori dan praktikal) supaya dapat menjadi insan yang cemerlang.

Beliau berkata demikian pada Malam Anugerah Pelajar Unimas (MAPU) di Arena Gemilang universiti itu di sini.

Menurutnya, pengalaman atau kebolehan pelajar itu merupakan tiket untuk menyakinkan majikan apabila memohon pekerjaan setelah keluar univervisti.

Beliau mengingatkan pelajar bahawa kecemerlangan dalam bidang akademik tidak semestinya akan memungkinkan mereka mendapat tawaran pekerjaan.

“Pada masa ini majikan akan

melihat pada kebolehan dan ketampilan calon pekerjanya bagi memastikan mereka akan dapat melaksanakan sebarang tugas yang akan diberikan kelak,” tambah beliau.

Oleh itu, kata Mohd Fadzil pelajar harus mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan pihak universiti sebagai tambahan markah.

Beliau berkata ia adalah satu kerugian sekiranya pelajar itu tidak melibatkan diri dalam aktiviti aktiviti yang dijalankan kerana peluang hanya datang sekali sahaja.

Menurutnya, MAPU adalah sebuah majlis bertujuan mengiktiraf pelajar pelajar Unimas dalam pelbagai kategori berdasarkan kebolehan dan kreativiti masing masing.

Selain itu, katanya lagi ia merupakan sebuah platform terbaik untuk pelajar universiti menonjolkan bakat, kebolehan dan ketrampilan diri selaras dengan misi serta visi Unimas untuk melahirkan sebuah generasi modal insan kelas pertama.

“Anugerah ini juga sebagai dorongan kepada pelajar untuk sentiasa aktif dalam penglibatan kokurikulum dan menjadikannya sebagai pelengkap selari dengan akademik pelajar,” katanya.

Sebanyak 19 anugerah telah diberikan kepada pelajar dan peratuan yang banyak berbakti kepada universiti.

Turut hadir mantan Naib Canselor Unimas Profesor Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid yang menyempurnakan penyampaian anugerah tertinggi MAPU 2013 iaitu Anugerah Naib Canselor.